

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/ BERSEMUKA SERTA KEMASUKAN SEMUA PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) BAGI SESI OKTOBER 2020/2021

Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Susulan kepada kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020, pihak UiTM akan **menangguhkan pendaftaran secara fizikal/bersemuka serta kemasukan semua pelajar UiTM ke kampus bagi sesi Oktober 2020/2021.**

Semua pelajar (baharu dan lama) adalah diminta untuk meneruskan pengajian secara kaedah terbuka dan jarak jauh/ *Open and Distance Learning* (ODL) mulai 12 Oktober 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak. **Pertemuan secara bersemuka adalah ditangguhkan.**

Semua aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat hendaklah ditangguhkan sementara waktu termasuk semua aktiviti yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor atau Ketua PTJ sebelum ini.

Arahan penangguhan ini dibuat demi keselamatan, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan semua warga.

Pihak UiTM akan terus memantau perkembangan wabak ini serta menyalurkan maklumat terkini dari semasa ke semasa.

Sekian.

Terima kasih.

Nora Noordin

Ketua

Perhubungan Awam, Media, Protokol & Pengurusan Acara

Jabatan Komunikasi

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

noranoordin@uitm.edu.my

+603 5544 2066

+6013 777 7284

2 OKTOBER 2020